

17 JUN 2000

Ling-MCA

MCA BERTEKAD GUNA KEDUDUKAN TEROKAI ASIA TIMUR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti MCA akan tetap menggunakan kedudukannya dalam kerajaan untuk membantu dan melicinkan usaha sama dalam bidang perniagaan antarabangsa, terutamanya di Asia Timur.

"MCA akan berusaha untuk membantu kaum Cina dalam menerokai peluang perniagaan di rantau Asia Timur dan benua lain," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Perhimpunan Agung Tahunan ke-47 MCA, di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Beliau berkata, langkah tersebut perlu kerana sebagai salah satu rakan seperjuangan yang utama dalam kerajaan, MCA perlu peka dan bersedia untuk memberikan respons terhadap perubahan terutama ketika negara menuju ke era globalisasi.

Menurutnya, sebuah ekonomi yang sedang membangun seperti Malaysia perlu lebih inovatif dan kreatif.

"Cara pengeluaran dan perniagaan yang diamalkan sekarang mesti berubah jika kita hendak terus bersaing dalam ekonomi global serta menjadi pemain penting di rantau ini," katanya.

Katanya, strategi yang berlainan perlu dirancang untuk menjamin pertumbuhan ekonomi dan aktiviti perniagaan yang berterusan.

Beliau berkata, MCA akan terus mengeratkan hubungan yang sedia wujud dengan Umno dan komponen Barisan Nasional (BN) yang lain, dan akan terus menjadi rakan penting dalam usaha membina sebuah "Bangsa Malaysia" seperti yang digariskan Wawasan 2020.

"MCA akan tetap berganding bahu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta komponen BN yang lain untuk berjuang dan membina sebuah negara yang boleh dibanggakan," katanya.

Dalam bidang pendidikan, contohnya, MCA akan menyokong kerajaan dalam membangunkan institusi pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa sambil mengutamakan aplikasi saintifik dan teknologi terkini, katanya.

-- BERNAMA

NHA RI